

(3)

NO. SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR
BIN SALLEH [KALABAカン]**

TARIKH : 29 MAC 2018 (KHAMIS)

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-

- a) Adakah Kementerian sedar penyeludupan berbagai-bagai barang terkawal diseludup daripada daerah Tawau ke Indonesia; dan
- b) Jika sedar, apa tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Isu penyeludupan adalah dibawah bidang kuasa pihak Kastam Di-Raja Malaysia (KDRM). Namun begitu, pihak Kementerian sedar dan sentiasa menjalankan operasi dan pemeriksaan disemua peringkat pengilang, pembungkus dan peruncit dari semasa ke semasa untuk mencegah penyelewengan dan percubaan untuk melakukan penyeludupan.

Kementerian telah melaksanakan operasi secara besar-besaran di seluruh negara termasuk mengaudit bekalan dan pengedaran bagi memastikan barang kawalan bersubsidi sentiasa ada di pasaran. Selain itu juga, Operasi Bersepadu, (NBOS) bersama pihak ESSCOM termasuk Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) juga turut diadakan bagi memastikan pemeriksaan dan pemantauan secara menyeluruh ke atas mana-mana pergerakan keluar masuk ke Malaysia tidak membawa keluar barang-barang subsidi.

Selain itu, pihak Kementerian juga telah memperkenalkan mekanisme baharu iaitu "Syarat Khas Tambahan Bagi Pemegang Lesen Borong dan Runcit Gas Petroleum Cecair (LPG)" bagi membanteras ketirisan penjualan tong LPG bersubsidi khususnya di daerah Tawau dan Pulau Sebatik yang bersempadan Indonesia.

Antara syarat-syarat yang dikuatkuasakan adalah seperti pembeli tong Gas Petroleum Cecair (LPG) di daerah ini perlu mengemukakan MyKad, kad Penduduk Tetap (PR) dan permit pekerja bagi warga asing jika membeli barang keperluan bersubsidi berkenaan. Turut diwajibkan berbuat demikian ialah pemilik kad Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR). Manakala bagi pihak Pemegang Lesen pula hendaklah mencatatkan dalam Buku Stok butir-butir tambahan seperti Nama, Dokumen Pengenalan Diri Pembeli atau Nombor Rujukan Kebenaran Bertulis oleh Pengawal Bekalan, Alamat Pembeli, Tarikh, Kuantiti dan Harga bagi Setiap Transaksi Jualan. Syarat-syarat Tambahan ini mula berkuatkuasa pada 15 Januari 2016.